

# PLKN 2.0 peluang kedua belia

Aspek kemahiran, vokasional diberi penekanan agar pelatih memenuhi kehendak industri

■ KAMARUL HALIM M KAMAL

**BATU PAHAT** - Program Latihan Khidmat Negara 2.0 (PLKN) yang bermula Januari tahun depan setelah penangguhannya tahun ini bakal menyaksikan pelatih yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke universiti mempelajari kemahiran yang berguna sebagai persediaan ke alam pekerjaan.

Program latihan PLKN 2.0 berkenaan memberi peluang kedua kepada belia yang tidak dapat melanjutkan pengajian ke menara gading dengan memberi penekanan aspek kemahiran dan vokasional.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishamuddin Tun Hussein berkata, dengan pendekatan baharu berkenaan, ia bakal menjadikan pelatih PLKN dapat memenuhi kehendak dan seiring dengan keperluan industri di negara ini.

Katanya, latihan yang diberikan

**“Penambahbaikan itu merangkumi modul baru, kemasukan pelatih, jurulatih, kemudahan kem, alumni PLKN, dan pelan komunikasi media. Penambahbaikan ini akan digunakan sebaik-baiknya supaya generasi muda negara mendapat manfaat sepenuhnya daripada program berkenaan.”**

- Hishamuddin

ini akan menjadikan seseorang pelatih itu lengkap dengan pelbagai kemahiran tertentu yang mungkin menjadi bekalan kepada pelatih untuk persediaan setelah mereka tamat latihan kelak.

“Latihan kemahiran dan vokasional ini akan mengambil masa selama dua bulan dan seterusnya akan



disambung tiga hingga 24 bulan dengan menghadiri program latihan di institut vokasional terpilih.

“Malah Kementerian turut bekerjasama dengan pelbagai industri di luar sana bagi memastikan mereka mendapat pekerjaan sebaik tamat latihan.

“Selain Kementerian Pertahanan

dan Kementerian Belia dan Sukan, program ini juga akan melakukan kerjasama dengan kementerian lain untuk mempelbagaikan skop latihan,” katanya semasa Minggu Haluan Siswa, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), di sini semalam.

Menurut Hishamuddin lagi, program berkenaan merupakan antara Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bagi mentransformasi program berkenaan sepenuhnya.

Katanya, PLKN 2.0 juga bakal menumpukari enam aspek untuk ditambah baik apabila dilaksanakan Januari depan.

“Penambahbaikan itu merangkumi modul baharu, kemasukan pelatih, jurulatih, kemudahan kem, alumni PLKN, dan pelan komunikasi media.

“Penambahbaikan ini akan digunakan supaya generasi muda mendapat manfaat sepenuhnya daripada program berkenaan,” katanya.